

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Ii
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

PDP 431 - Pentadbiran Am Sekolah

[Masa : 2 Jam]

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Kejayaan sesebuah sekolah bergantung rapat dengan peranan dan tugas pengetua. Apakah tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan pengetua yang dianggap penting untuk meningkatkan prestasi akademik sekolah.
2. Wawasan Pendidikan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Jelaskan aspek-aspek penting yang ditekankan di sekolah bagi mengisi matlamat wawasan (Pendidikan) tersebut.
3. Bezakan Sekolah Bantuan Modal dengan Bantuan Penuh. Bagaimanakah kedua-dua sekolah ini mendapat sumber kewangan masing-masing. Jelaskan bagaimana fand tersebut diuruskan untuk program kurikulum dan ko-kurikulum.
4. Mengikut "Kaedah-kaedah Persatuan Ibubapa Guru" dalam AKTA PELAJARAN 1961, Pengetua sekolah adalah ex-officio di dalam Persatuan tersebut. Apakah peranan pengetua, dan bagaimanakah PIBG mengembangkan tenaga semua ahli dan orang ramai untuk menjayakan program-program yang dirancangkan.
5. Penyeliaan dan pemeriksaan di sekolah dianggap penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Siapakah yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Huraikan peranan yang dimainkan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (JNSP) dan pendekatan yang digunakan untuk meningkatkan kualiti tersebut.
6. Setiap pendidik harus menghayati "Tatasusila Profesional Perguruan" bila mendidik anak-anak di sekolah. Jelaskan ciri-ciri utama tatasusila tersebut dan bagaimanakah ciri-ciri itu dapat diamalkan dengan berkesan.

- 0000000 -

